



(Dari kiri) Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan ATech, Loh Hock Chian; Lee Chong Yeow; Normaliza, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Investment Bhd, Datuk Fad'l Mohamed ketika majlis penyenaraian ATech Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Dagangan saham ATech kukuh

Syarikat jana RM104.73 juta hasil IPO bukti keyakinan pelabur

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Aurelius Technology Bhd (ATech) memulakan dagangan sulungnya di Pasaran Utama Bursa Malaysia semalam dengan mencatat premium lima sen kepada RM1.41, berbanding harga tawaran RM1.36 sesaham.

Pengerusinya, Datin Normaliza Kairon, berkata berdasarkan hasil tawaran awam permulaan (IPO), penyedia perkhidmatan pembuatan elektronik (EMS) untuk produk perindustrian elektronik itu menjana RM104.73 juta.

Katanya, sebanyak RM40 juta akan diguna bagi membeli mesin dan peralatan baharu, RM29.52 juta untuk pembayaran balik pinjaman, RM28.13 juta untuk modal kerja dan RM7.09 juta untuk perbelanjaan penyenaraian.

"Premium yang dicatatkan oleh IPO kami ketika dibuka, mencerminkan keyakinan pelabur kepada ATech sebagai peneraju dalam penyediaan perkhidmatan pembuatan elektronik di Malaysia," katanya berucap pada majlis penyenaraian ATech di Bursa Malaysia.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ATech, Lee Chong Yeow.

Normaliza berkata, penyenaraian itu memberikan lebih keterampilan yang diperlukan bagi mengembangkan perniagaan, mengekal dan menarik lebih ramai pelanggan di seluruh Asia Pasifik, benua Amerika dan Eropah.

"Penyenaraian juga membuka peluang untuk merealisasikan pelan dan strategi masa hadapan ATech termasuk perluasan dan menaik taraf kemudahan pengeluaran," katanya.

Beliau menegaskan, ATech berikrar untuk terus mencipta nilai menerusi fokus ke atas perkara berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

"Di samping menggunakan teknologi, kami juga mahu mencipta nilai menerusi tumpuan ke-

pada ESG dengan melaksanakan amalan kelestarian.

"Sejak 2004, kami memiliki persijilan ISO di dalam sistem pengurusan alam sekitar dan kami berhasrat untuk menjadi penyedia perkhidmatan pembuatan elektronik terbaik dengan kelayakan hijau," katanya.

ATech menawarkan pilihan menyeluruh EMS kepada syarikat multinasional meliputi 11 negara di Asia Pasifik, benua Amerika dan Eropah.

Perkhidmatan itu merangkumi sokongan kejuruteraan, penyediaan prototaip, pemasangan board, pemasangan mekanikal, ujian dan pelabelan bagi komunikasi dan Internet Kebendaan (IoT), peranti elektronik dan produk komponen semikonduktor diguna di dalam industri pengangkutan serta pengurusan tenaga, telekomunikasi dan IoT.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2021, produk komunikasi dan IoT menyumbang sebanyak 89.5 peratus kepada perolehan syarikat, dengan peranti elektronik menyumbang 9.4 peratus dan komponen semikonduktor pula menyumbang kurang daripada satu peratus.